



**BAB 2**

## BAB 2

### RUANG LINGKUP AJARAN SALAH

#### 2.1 PENDAHULUAN

Ruang lingkup ajaran salah sangat luas. Ianya mencakupi segenap bidang kehidupan manusia yang berkaitan dengan ibadat mahupun adat yang menyalahi tatasusila Islam. Sebagai bukti yang kukuh, al-Quran sendiri dengan jelas menyebut bahawa kira-kira lebih daripada 150 ayat menerangkan tentang kesesatan. Sebagai contoh: surah an-Nisa' ayat 167 berbunyi:<sup>1</sup>

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا  
ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksudnya:

*"Sesungguhnya orang-orang kafir dan juga orang yang menghalangi jalan Allah, sungguh mereka itu telah sesat dengan kesesatan yang jauh."*

Kemudian di dalam surah yang lain pula Allah s.w.t. berfirman;

وَنَقَلِبَ أَفْعِدْتَهُمْ وَأَبْصَرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا بِهِ أُولَٰئِكَ مَرَّةً وَنَذَرَهُمْ فِي  
طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ

---

<sup>1</sup> Al-Quranul Karim: Tafsir al-Quran (1973), Prof. Dr. H. Mahmud Yunus, Jakarta: P.T. Hidakarya Agung, hal. 141.

Maksudnya:

*“Kami bolak-balikkan hati dan pandangan mereka, sebagaimana mereka itu tidak mahu beriman kepada al-Quran dan permulaannya dan kami biarkan mereka di dalam kesesatan. Sedang mereka itu bimbang.”*

(Surah al-An'am: 110)<sup>2</sup>

Di samping ayat-ayat suci al-Quran yang menceritakan tentang kesesatan ini, terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang menyokong perkara di atas. Sebagai contoh hadis yang diriwayatkan dari Abu Dzar al-Ghifari berbunyi:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) إِنَّ بَعْدِي مِنْ أُمَّتِي أَوْ سَيَكُونُ بَعْدِي مِنْ أُمَّتِي قَوْمٌ يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ لَا يَجَاوِزُ حَلًّا فِيهِمْمْ يَخْرُجُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَخْرُجُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ ثُمَّ لَا يَعُودُونَ فِيهِ هُمْ شَرُّ الْخَلْقِ وَالْخَلِيقَةِ<sup>3</sup>

Maksudnya:

*“Sepeninggalanku kelak akan muncul suatu kaum yang pandai membaca al-Quran tetapi tidak melewati kerongkongan mereka (hanya sekadar baca sahaja). Mereka keluar dari agama (sesat) seperti anak panah keluar dari busarnya, di mana mereka tidak pernah lagi kembali di dalam agama itu. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk dan tingkah laku”.*

Secara kesimpulannya, daripada apa yang telah diterangkan oleh penulis dalam bab pendahuluan yang disokong dari beberapa dalil-dalil nakli, ternyata sekali bahawa kesesatan itu adalah teramat luas, terutama yang melibatkan soal-soal akidah.

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, hal. 195.

<sup>3</sup> Maamur Daud (terj.) (1987), *Sahih Muslim*. cet. 1, jil. 11, no 1027, Klang Selangor: Klang Book Centre, hal. 225.

Apatah lagi jika tidak dikaji terlebih dahulu ajaran-ajaran yang disampaikan sebelum mengambilnya sebagai satu anutan. Ini jelas terbukti dengan senario sekarang di mana terdapat banyak ajaran-ajaran yang muncul bertopengkan agama untuk mengaburi mata masyarakat yang jahil dalam agama supaya mereka nampak lebih *alim* dengan amalan ajaran baru yang dikatakan lebih baik daripada ajaran yang tersedia ada yang bersandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah.

Kita sebagai manusia yang waras, yang masih berpegang kuat kepada ayat-ayat Allah serta sunnah RasulNya mestilah menyiapkan diri dengan ilmu yang cukup bagi mengikis serangan kepada keruntuhan akidah yang berbentuk baru ini.

## 2.2 PENGERTIAN AJARAN SALAH

Sebenarnya banyak pengertian yang boleh diberikan untuk mentakrif erti ajaran salah tetapi secara umumnya pengertian ajaran salah adalah seperti berikut iaitu: "*Sebarang amalan atau ajaran yang dibawa oleh orang-orang Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan yang dibawa berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah dan syariah Islamiah, bertentangan dengan al-Quran, dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunnah wal-Jamaah.*"<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup> Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (1996), *Risalah Mengenal Ajaran Sesat*, hal. 3.

Manakala Majlis Agama Islam Negeri Kelantan undang-undang no. 2 tahun 1969, Bab 69 pula mentakrifkan ajaran salah itu berbunyi: “*Sesuatu pengajaran ataupun penerangan mengenai apa-apa pengajaran agama Islam ataupun sesuatu kegiatan keagamaan yang berlawanan dengan hukum Syarak ataupun berlawanan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh majlis*”.<sup>5</sup>

### 2.3 SEJARAH KEMUNCULAN AJARAN SALAH SECARA UMUM

Sejarah kemunculan ajaran-ajaran yang salah dan menyeleweng dalam masyarakat Islam bukanlah satu perkara baru. Ia merupakan persoalan sejagat yang telah lama muncul pada zaman para sahabat lagi. Sebaik sahaja kewafatan Rasulullah s.a.w., telah timbul berbagai-bagai ikhtilaf atau percanggahan pendapat di kalangan umat Islam yang akhirnya muncul berbagai-bagai pandangan yang menyeleweng berkaitan dengan adat dan peraturan Islam.<sup>6</sup>

Titik permulaannya ialah seawal pengakuan Musailamah al-Kadhab<sup>7</sup> sebagai nabi di Yamamah, diikuti dengan Talhah al-Asadi dari Bani Asad dan al-Aswad al-Unusi di negara Yaman.<sup>8</sup>

---

<sup>5</sup> Rahimi Affandi Abd. Rahim (1987), *Ajaran Sesat Di Kelantan*. (Kertas Projek Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, hal. 4.

<sup>6</sup> Dr. 'Izzat 'Alī A'ttiyah (t.t.), *Al Bid'ah Tahdīduha Wa Mauqif Al-Islām Minha*. Beirut: Darul Kitab al-Arabi, hal. 30.

<sup>7</sup> Beliau ialah Musailamah al-Kadhab ibn Thumamah ibn Khathir ibn Habib ibn al-Harith ibn 'Abd al-Harith ibn 'Addi ibn Hanifah. Lihat ibn Hazm (1962), *Jamharāt Ausab Al-Arab*. Tahqiq: 'Abd Salam Muhamad Harun, t.c., Kaherah: Dar ar-Ma'rifah, hal. 310.

<sup>8</sup> JAKIM. <http://www.islam.gov.my/ppi.sejarahasesat.html> pada 31.3. 2002.

Penyelewengan akidah yang salah dalam Islam juga dikatakan bermula ekoran daripada percampuran dan perhubungan umat Islam dengan agama lain khususnya Kristian, Majusi, Yahudi dan Atheis yang mana mereka ini memeluk Islam dengan tujuan untuk merosakkan umat Islam dan agama Islam itu sendiri.<sup>9</sup>

Di Malaysia, ajaran-ajaran ini mula bergerak secara senyap-senyap ketika Islam mula bertapak di Semenanjung pada kurun ke 15 melalui konsep animisme,<sup>10</sup> dinamisme<sup>11</sup> atau animatisme, Hindu-Buddha, Syiah Sabaiyah, Syiah Kaysaniyah, Syiah Ismailiyah Batiniyah dan aliran Teosofi.

Masyarakat di negara ini juga dikatakan menerima pengaruh yang kuat daripada tradisi “World View” penduduk negara tetangga, iaitu Indonesia. Ini disebabkan negeri-negeri sebelah Pantai Barat Semenanjung mempunyai ramai penduduk yang berasal dari sana. Mereka ini mempunyai hubungan langsung dari masa ke semasa dengan penduduk di

---

<sup>9</sup> Ab. Latip Muda, *et.al.*, *Pengantar Ilmu Tauhid*, *op.cit.*, hal. 325.

<sup>10</sup> *Animisme ialah kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai semangat atau roh.* Lihat Sheikh Othman bin Sheikh Salim (Ketua Editor), *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka (1992) (cetakan ketiga Edisi Baru) hal. 46; Animisme juga bermaksud kepercayaan akan adanya jiwa dan roh yang dapat mempengaruhi kehidupan alam manusia. Kebiasaannya animisme menimbulkan religis iaitu pemujaan dan perhambaaan diri kepada sesuatu kuasa yang berperibadi kerana orang merasa terikat kepadanya dan dapat mendatangkan nasib baik atau buruk kepada manusia. Lihat juga *Risalah Mengenai Ajaran Sesat. Ibid.*, hal. 2.

<sup>11</sup> Dinamisme ialah sifat dinamis atau dinamik iaitu bertenaga berkekuatan mampu membuat penyesuaian serta membabitkan kemajuan dan pembaharuan. Lihat Sheikh Othman bin Sheikh Salim, *ibid.*, hal. 284; Dinamisme juga diertikan sebagai kepercayaan adanya tenaga yang tak berperibadi dalam diri manusia, haiwan, tumbuhan, benda-benda dalam perkataan yang diucap atau ditulis, dalam tanda-tanda yang dirakam dan sebagainya. Biasanya kepercayaan dinamisme menimbulkan magis iaitu penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan perbuatan-perbuatan tertentu sehingga tenaga ghaib itu dapat dipergunakan untuk keuntungan sendiri atau menimbulkan kerugian terhadap orang lain. Lihat juga *Risalah Mengenai Ajaran Sesat. ibid.*, dan Dr. H.O.K Rahmat S.H (1983), *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu Kelantan, cet. ketiga, hal. 31.

Indonesia. Aliran-aliran kepercayaan yang berpengaruh dari negara tersebut seperti aliran-aliran kebatinan telah mencampur-adukkan antara tradisi kepercayaan lama Jawa dengan tradisi Hindu-Buddha yang kemudiannya diselitkan dengan unsur-unsur Islam.<sup>12</sup>

Adalah dipercayai bahawa ajaran salah yang paling lama usianya bertapak di Malaysia ialah ajaran Taslim yang dibawa oleh Haji Ahmad Matahari pada tahun 1870an yang bertempat di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Ajaran ini telah berkembang ke negeri-negeri seperti Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan lain-lain. Sehingga kini setiap negeri di Malaysia wujud ajaran salah yang disebarkan secara diam-diam dan jumlah ajaran ini bertambah dari masa ke semasa. Sehingga akhir tahun 1999M terdapat lebih dari 100 ajaran yang diadakan ke Jabatan Agama di seluruh Malaysia.<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup> Siti Norbaya bt Abd Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*, op.cit., hal.6.

<sup>13</sup> Halipah Hamzah (2002), *Ajaran Sesat: Tareqat Naqsyabandiyah Az Zainiyah, Hulu Kelang*. (Kertas Kerja Isu-Isu Semasa Akidah dan Pemikiran Islam, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, U. Malaya), hal. 2.

## 2.4 FAKTOR-FAKTOR TIMBULNYA AJARAN SALAH DI DALAM MASYARAKAT

Umat Islam sentiasa diancam oleh musuh-musuh yang menunggu peluang untuk menjatuhkannya. Ancaman-ancaman yang cuba diwujudkan merangkumi pelbagai aspek sama ada secara fizikal, mental dan spritual. Kegiatan-kegiatan seperti ini telah bermula sejak zaman Nabi lagi sehingga membawa ke hari ini. Dalam menghuraikan persoalan ini, penulis akan menyenarai beberapa faktor yang menjadi punca berlakunya gejala ini. Penulis membahagikan faktor ini kepada dua elemen utama di mana satu elemen dijadikan sebagai faktor dalaman manakala satu lagi ialah faktor luaran.

### 2.4.1 Faktor Dalaman

*Kepercayaan animisme, dinamisme serta khurafat* yang melampau telah bercampur dan meresap masuk kepada fahaman dan amalan dalam masyarakat Islam sedari awal. Kepercayaan ini menjadikan keadaan lebih parah apabila wujudnya personaliti yang tidak mendapat pendidikan dan disiplin sebenar dalam syariat tetapi ingin segera mencapai ketinggian dalam rohani dengan cepat tanpa mengikut sunnah Rasulullah s.a.w.<sup>14</sup> Inilah antara lain yang menjadi kelemahan masyarakat Islam iaitu apabila

---

<sup>14</sup> Ruziah bt. Marusin (2001), *Keperihatinan Mahasiswa Islam Terhadap Krisis Penyelewengan Akidah: Satu Tinjauan Khusus di Universiti Malaya*. (Kertas Projek, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya), hal. 75.



mereka sendiri yang jahil dalam pengetahuan agama tidak mampu membentengi akidah dirinya apabila berdepan dengan segala bentuk fahaman, amalan dan ajaran baru yang tanpa disedarinya adalah menyeleweng jauh dari akidah Islam yang sebenar. Masyarakat Islam sendiri yang mengabaikan pengetahuan Islam semata-mata mementingkan keinginan dan keperluan juga memberi peluang kepada mereka yang mengambil kesempatan untuk memesongkan akidah.<sup>15</sup>

*Akal yang tidak sesuai dengan al-Quran dan as-Sunnah*, juga kedangkalan terhadap akidah yang sahih adalah juga dilihat sebahagian daripada faktor dalaman. Contoh; akal yang tidak sesuai dengan al-Quran dan as-Sunnah adalah akal iblis iaitu dengan akalunya iblis menentang Allah s.w.t. Di dalam surah al-A'raf, Allah berfirman:

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ

Maksudnya:

*“Apakah yang melarang engkau tidak mahu tunduk ketika aku menyuruhmu? Sahut Iblis; Aku adalah lebih baik daripadanya. Engkau jadikan aku daripada api dan Engkau jadikan dia daripada tanah.”*

(Surah al-A'raf: ayat 12)

---

<sup>15</sup> Ruziah bt. Marusin (2001), *Keperihatinan Mahasiswa Islam Terhadap Krisis Penyelewengan Akidah: Satu Tinjauan Khusus di Universiti Malaya*. (Kertas Projek, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya), hal. 75.

Di samping itu kebodohan terhadap akidah yang benar mengakibatkan manusia tidak boleh membezakan mana yang haq dan mana yang batil.<sup>16</sup>

*Masyarakat Islam sendiri yang mengabaikan pengetahuan Islam semata-mata mementingkan keinginan dan keperluan juga memberi peluang kepada mereka yang mengambil kesempatan untuk memesongkan akidah. Hal ini dapat dibuktikan sebagaimana mereka yang berkeinginan untuk berubat penyakit agak mudah terpengaruh dan tertipu. Golongan seperti inilah yang dilihat menjadi mangsa kepada pengikut ajaran salah.*<sup>17</sup>

*Fenomena masyarakat yang terlalu mengikut hawa nafsu dan adat istiadat yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti ta'sub (fanatik suku, golongan dan sebagainya) serta taklid buta (mengikut tanpa ilmu) juga adalah merupakan faktor yang mendorong kepada berlakunya pemesongan akidah Islam.*<sup>18</sup>

*Amalan-amalan seperti khurafat, bomoh dan tradisi juga dianggap sebagai faktor dalaman yang sangat mempengaruhi pemikiran umat Islam. Ketiga-tiga unsur ini berpunca daripada tiga unsur Sin Kritisma, Hindu-Budha serta animisme dan dinamisme. Ianya dijemakan dalam amalan-amalan perbomohan dan kesaktian.*<sup>19</sup> Bentuk

---

<sup>16</sup> H. Hartono Ahmad Jaiz (2001), *Tasawuf, Plurisme dan Pemurtadan*. cet. 1, Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar, hal. 4.

<sup>17</sup> Ruziah Marusin, *op.cit.*, hal. 76.

<sup>18</sup> Hartono Ahmad Jaiz, *op.cit.*, hal. 6.

<sup>19</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) <http://www.Islam.gov.my/ppi/faktorasesat.html> pada 5hb Feb. 2002.

kepercayaan dan amalan tradisi berkaitan dengan amalan mistik yang bersifat pemujaan terhadap tempat-tempat yang dianggap keramat, pemujaan terhadap orang-orang yang dianggap wali dan memiliki keistimewaan, kepercayaan kepada kuasa-kuasa kesaktian melalui amalan-amalan seni mempertahankan diri dan sebagainya, kepercayaan terhadap dukun-dukun atau bomoh-bomoh yang mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi-mimpi atau orang-orang halus melalui amalan secara menurun dan seumpamanya.<sup>20</sup>

#### 2.4.2 Faktor Luaran

Sebagai perangsang seterusnya kepada gejala ini, beberapa faktor telah dapat dikenal pasti oleh penulis melalui penyelidikan ini sebagai punca utama berlakunya penyelewengan akidah (ajaran salah) di Malaysia amnya. Di antara sebab utamanya ialah kerana tersebarinya secara meluas buku-buku yang berunsur ajaran salah di pasaran atau melalui koleksi khas para 'guru' ajaran salah berkenaan. Contohnya, buku yang dapat dikesan dan diharamkan sehingga kini seperti *Tiang Agama, Keramat Wali-Wali, Permata Yang Hilang, Rahsia Mengenal Diri, Mutiara Taman Wangi, Intan Istana Khalifa*<sup>21</sup> serta beberapa buku lagi yang dicadangkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada Kementerian Dalam Negeri kerana buku-buku tersebut menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah, khurafat dan memberi tumpuan

---

<sup>20</sup> BAHEIS; *Risalah Mengenal Ajaran Sesat, op. cit.*, hal. 5

<sup>21</sup> Cawangan Akidah JAKIM; *Fenomena Penyelewengan Akidah*. hal. 103.

kepada cerita lama Bani Israel. Buku-buku tersebut ialah *Hakikat dan Hikmah 7 Hari Dalam Seminggu*, (pengarang Abu Nashr Al-Hamdaniy); *Permata Kisah Teladan Umat* (buku bersiri) (pengarang K.H Abdullah Zaky al-Kaaf dan Drs. Maman Abdul Djaliel); *Sejarah Tuhan-Kisah Pencarian Tuhan Yang Dilakukan Oleh Orang-Orang Kristen Dan Islam Selama 4000 Tahun* (pengarang Karen Armstrong); *Jemaat Yang Mengalami Terobosan Strategi-Strategi Apostolic* (pengarang Dr. Jonathan David); dan *Al-Audah Ila al-Quran Iadah Taqyim al-Hadis* (pengarang Kasim Ahmad).<sup>22</sup>

Menurut Ustaz Mustafa Abd. Rahman, Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM, kemungkinan besar golongan yang menyebarkan fahaman ini terdiri daripada mereka yang berminat dengan agama tetapi membuat tanggapan tidak berdasarkan kaedah ilmu Islam yang sebenar serta kemungkinan juga adalah rentetan usaha-usaha orientalis untuk menyelewengkan agama.<sup>23</sup> Apabila ramai yang berkeinginan untuk mencapai kesempurnaan dalam kerohanian maka muncul ramai di kalangan individu yang cuba menonjol diri dengan gelaran-gelaran tertentu sebagai orang-orang yang arif dalam ilmu pengobatan, agama dan ilmu ketinggian rohani yang semata-mata memenuhi keinginan dan kepentingan

---

<sup>22</sup> Berita Harian; Jumaat, 1hb Mac 2002; *JAKIM Cadangkan KDN Haramkan 9 Buku*. hal. 12.

<sup>23</sup> Abd. Razak Abdullah (ARBA); *Tiang Uagama Merosakkan Akidah*. Dakwah: September 1999, bil. 262, YADIM, Kuala Lumpur, hal. 5 - 9.

diri dan nafsu. Malah kelembapan pihak berkuasa daripada pelbagai agensi menangani hal ini juga turut menyokong fenomena ini terus berkembang.<sup>24</sup>

Jika dilihat kepada pengamal ajaran sesat ini, mereka kerap memancing 'umpan' untuk mendapat pengaruh di kalangan masyarakat. Sebagai contoh, adanya jaminan yang ditaburkan daripada sesuatu ajaran yang boleh mendatangkan manfaat duniawi dan ukhrawi.<sup>25</sup>

*Pengaruh fahaman Tasawuf Teosofi* juga dikaitkan dengan pengaruh luaran yang tidak kurang juga hebatnya. Tasawuf Teosofi merupakan punca utama kepada penyelewengan dalam ilmu Tasawuf dan kemunculan ajaran-ajaran salah yang mana telah didapati terpengaruh oleh pengaruh Greek, Parsi, Yahudi, Kristian dan Hindu-Buddha. Faktor ini mengandungi berbagai-bagai konsep yang bermula dengan konsep Wahdatul Wujud dan seterusnya ajaran Martabat Tujuh. Pada asasnya faktor Tasawuf Teosofi ini banyak mempengaruhi ajaran-ajaran yang dibawa oleh guru-guru ajaran salah ditambah dengan buku berjudul *Kasyfal-Asrar* oleh Syeikh Mohammad Salleh bin Abdullah al-Mengkabu yang dikarang pada tahun 1922M.<sup>26</sup>

Menurut ProfDr. Abdulfatah Haron Ibrahim, Tasawuf Wahdatul Wujud dalam Islam dapat dikesan sumbernya daripada Hindu dan Neoplatonisme. Martabat Tujuh

---

<sup>24</sup> Ruziah Marusin. *op.cit.*, hal. 77.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> JAKIM. <http://www.Islam.gov.my/ppi/faktorasesat.html> pada 5.2.2002.

juga bukannya berasal daripada al-Quran dan Hadis Sahih tetapi dari falsafah Neoplatonisme yang dikenali dengan teori immanasi atau *as-Sudur*: Fahaman Wahdatul Wujud menganggap bahawa alam ini adalah pernyataan Allah s.w.t. yang qadim azali dan abadi. Alam digambarkan sebagai ombak, manakala Tuhan pula seperti laut, ombak itu kekal ada seperti laut itu kekal. Martabat Tujuh merupakan perbincangan tentang asal usul kejadian alam ini. Ilmu ini termasuk dalam bidang i'tiqad tasawuf Falsafah Wahdatul Wujud; maksudnya Allah yang Maha Esa *mentajalli* iaitu menampakkan alam semesta daripada zatNya sendiri.<sup>27</sup>

*Tersebarnya pengaruh gerakan ajaran Batiniah* di Nusantara adalah merupakan faktor luaran yang mendorong kepada berlakunya penyebaran ajaran sesat. Ajaran ini dikenali juga sebagai Tasawuf Batiniah iaitu kebatinan. Ajaran ini dibawa melalui buku *Kasfal-Asrar* oleh Syeikh Mohammad Salleh bin Abdullah al-Mengkabu dan kemudiannya disalurkan melalui buku *Hidayah al-Anwar* oleh Syed Ghazali Jamalullail, Pulau Pinang pada tahun 1933M dan telah mengembangkan ajaran Taslim daripada bapanya Haji Ahmad Matahari.<sup>28</sup> Ajaran ini masih tetap aktif hingga sekarang yang dapat dikenali juga dengan ajaran ilmu isi.<sup>29</sup>

Unsur-unsur atau ajaran Batiniah ini berasal daripada Syiah Ismailiyah Batiniah iaitu gerakan yang dipropagandakan oleh Abdullah Maimun, bekas penganut agama Madaism

---

<sup>27</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim (1992), *Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah-Batiniah di Malaysia*. cet. 2, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 9 - 13.

<sup>28</sup> Abdulfatah Haron, *Ibid.*, hal. 15 – 19.

<sup>29</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim (1997), *Al-Ghazali: Peyelamat dari Kesesatan*. (terj), cet. Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 39 - 54.

berbangsa Yahudi dari al-Hawas. Gerakan ini lahir pada zaman khaliifah Abbasiah iaitu pada masa pemerintahan Khaliifah al-Makmun (198H) dan mula merebak pada zaman Khaliifah al-Muktasim (218H).<sup>30</sup>

Ajaran Batiniah ialah ajaran Tasawuf yang mengandungi 3 ansur iaitu *fahaman Hulul - penyerapan Tuhan dengan Hamba dan Wahdatul Wujud serta yang seumpamanya, fahaman Syiah Ismailiyah dan Batiniyah dan yang seumpamanya serta ilmu kebatinan hasil sankratisme di antara kepercayaan primitif, agama Hindu, Buddha, Tasawuf Wahdatul Wujud dan ajaran Syiah* terutamanya yang terdapat di negara jiran. Di antara ajaran sesat yang mengandungi unsur batiniah ialah ajaran Taslim, ajaran Tajalli Ahmad Laksamana Kelantan dan lain-lain.<sup>31</sup>

Mengenai sifat munafik kaum Batiniah, Dr. Abdulfatah Haron dalam kertas kerjanya bertajuk *Pencemaran Akidah Dalam Masyarakat Islam Semenanjung dan Kaitannya Dengan Martabat Tujuh* menyebut, adalah disebabkan oleh penganut ajaran ini menolak segala zahir syariat Islam. Jika dilakukannya adalah untuk menjaga adat dan undang-undang, dua orang saksi dan wali. Ini hanyalah kulit sahaja dan apabila selesai melakukan upacara ijab kabul itu mereka akan melakukan sekali lagi istiadat berkahwin (batin) mengikut cara

---

<sup>30</sup> Abdulfatah Haron. *op.cit.*, hal. 44.

<sup>31</sup> JAKIM. <http://www.Islam.gov.my/ppi/faktorasesat.html> pada 5.2.2002.

mereka. Contoh yang kedua pula ialah solat fardu Jumaat di mana mereka akan melakukan solat Zohor semula setelah selesai menunaikan solat Jumaat.

Gerakan Batiniyah dapat dikenali juga dengan wujudnya ajaran-ajaran yang bersifat rahsia. Gerakan ini tidak akan hidup sekiranya mereka bergerak secara terbuka kerana ajaran-ajarannya bercanggah dengan nas al-Quran dan as-Sunnah. Ianya pasti akan ditentang oleh pihak berkuasa dan orang ramai yang berpegang kepada ajaran Islam. Penganut-penganut perlu bersumpah untuk menyimpan rahsia dan hal inilah menyebabkan agak sukar untuk menjejaki golongan ini.<sup>32</sup>

Imam al-Ghazali dalam kitabnya *al-Mustazhari* meletakkan golongan Batiniyah ini sebagai golongan anti Islam. Akidah dan amalan mereka menyalahi Islam sama sekali. Zahirnya mereka Islam tetapi hakikatnya mereka kufur. Bagi mereka, pengetahuan boleh didapati daripada *imam ma'sum* manakala akal dikatakan sebagai tidak dapat mencapai kebenaran. Imam atau guru sahaja dapat mendampingi Tuhan bagi menyelami rahsia-rahsia Syarak dan imam inilah yang menunjukkan kebenaran serta menyelesaikan segala kemusykilan. Setiap zaman perlu ada *imam ma'sum* yang menjadi tumpuan dalam perkara keagamaan. Kebiasaannya golongan ini melahirkan perkara-perkara yang bercanggah dengan Syarak. Sebahagian besar ajaran mereka adalah berdasarkan agama Yahudi, Kristian serta Majusi.<sup>33</sup>

---

<sup>32</sup> H.O.K. Rahmat S.H (1983), *Pencemaran Akidah DiNusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 57 & 58.

<sup>33</sup> Dr. Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat. op.cit.*, hal. 46 & 47.



Selain menerima pengaruh daripada gerakan yang telah dikemukakan oleh penulis sebagai faktor luaran yang menyebabkan tersebarnya ajaran sesat, terdapat lagi ajaran-ajaran lain yang mendokong kepada tercetusnya situasi ini. Ajaran yang penulis maksudkan ialah *ajaran Syiah*.

Terdapat tiga kumpulan Syiah yang berkembang di Malaysia semenjak beberapa tahun yang lalu iaitu *Syiah Taiyibi Bohra*, *Syiah Ismailiyah Agha Khan* dan *Syiah Ja'fariyah*. Syiah Taiyibi Bohra merupakan satu kumpulan yang berasal dari India. Di Malaysia, golongan ini dikenali dengan golongan yang memiliki kedai Bombay berpusat di Klang, mempunyai tanah perkuburan serta masjid sendiri dan pengikutnya dianggarkan seramai 200 - 400 orang. Syiah Ismailiyah Agha Khan adalah kumpulan yang dikenali dengan nama Kedai Peerbhai, bergerak di sekitar Lembah Klang dan bilangan pengikutnya lebih kecil daripada pengikut Bohra. Manakala Syiah Ja'fariyah atau Imamiah Ithna Assyaniah mula bertapak di Malaysia pada tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman ini menular menerusi bahan bacaan dari individu. Beberapa buah buku utama syiah telah dijadikan rujukan dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan pengikutnya dianggarkan berjumlah antara 300 - 500 orang.<sup>34</sup>

Faktor luaran yang terakhir mengikut kajian penulis, terdapat pihak-pihak tertentu yang berusaha untuk menjauhkan umat Islam dari menuruti dan beramal dengan perintah

---

<sup>34</sup> ..... (t.t.), *Himpunan Ajaran, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwakan dan Diwartakan Sebagai Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh.*, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor, hal. 131 & 132.

al-Quran dan as-Sunnah. Mereka ini terdiri daripada golongan munafik dan zindiq. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan ialah:

1. Pentafsiran batin oleh golongan kebatinan dan menyatakan al-Quran mempunyai makna zahir dan makna batin serta mendakwa yang wajib diamalkan hanyalah batin sahaja.
2. Pentafsiran dengan angka.
3. Pentafsiran palsu ke atas surah al-Muddathir ayat 30 dan 31 oleh Rashad Khalifa.
4. Penetapan tarikh berlakunya kiamat.<sup>35</sup>

Kesimpulannya, didapati banyak faktor-faktor yang menyokong ke arah pengamalan ajaran yang salah ini, maka penulis mencadangkan agar kita sentiasa berwaspada terhadap sumber-sumbernya, mudah-mudahan kita semua akan bebas dari segala penyelewengan dan kesesatan.

Penulis juga mencadangkan agar semua pihak termasuklah pemerintah, golongan ulama dan para ilmunan serta cerdik pandai bersatu mengembeling tenaga menjurus generasi

---

<sup>35</sup> BAHEIS (JAKIM), *Risalah Mengenal Ajaran Sesat. op.cit.*, hal 5.

muslim hari ini ke arah kebenaran agar mereka menjaga akidah yang benar supaya mereka tidak tersesat, sehingga iman dan Islam kita benar-benar mantap dan lurus sesuai dengan tuntutan Allah dan RasulNya.

## 2.5 CIRI-CIRI AJARAN SALAH

Secara umumnya, banyak ciri-ciri penyelewengan boleh dikenal pasti dalam sesuatu ajaran salah. Di antaranya seperti yang dikeluarkan oleh JAKIM serta beberapa buah buku rujukan penulis ialah:

1. Mengaku diri atau gurunya sebagai nabi atau wakilnya dan mendakwa menerima wahyu dari Tuhan.
2. Mengaku diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi atau mempercayai bahawa orang-orang tertentu tidak mati dan akan muncul sebagai manusia yang istimewa seperti Imam Mahdi dan sebagainya. Fahaman ini boleh didapati di dalam ajaran Qadyani, Bahai, 4 Sahabat, Nasir dan Mufarridiah.
3. Mencaci alim ulama dan Fuqaha<sup>4</sup> Islam supaya orang ramai menolak kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Mereka menuduh alim ulama menyembunyikan ajaran Islam yang sebenar bagi kepentingan periuk nasi mereka.
4. Mengubah dengan sengaja ayat-ayat al-Quran dan memutar-belitkan tafsirannya mengikut kepentingan individu tertentu dan diri sendiri.<sup>36</sup>
5. Menggunakan hadis-hadis palsu dengan tujuan ingin mencari kemewahan atau juga golongan yang taksub kepada sesuatu fahaman dan pegangan tertentu, di mana sesetengah mereka terdiri daripada kalangan ahli politik dan

---

<sup>36</sup> Siti Norbaya Abd. Kadir (2002), *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah, hal. 19 - 21.

ulama.<sup>36</sup>

6. Penyelewengan dalam ajaran Tasawuf khususnya dalam Tarekat. Sesetengah mereka mengatakan bahawa hanya guru mereka sahajalah yang sempurna dan mereka akan mengikuti apa sahaja yang disuruh dan dikatakan oleh guru dan pembawa tarekat mereka.
7. Mengamalkan amalan berzikir secara rahsia atau pada waktu tengah malam yang gelap bercampur antara lelaki dan wanita.<sup>37</sup>
8. Mempercayai bahawa roh orang mati menjelma semula ke dalam jasad orang yang masih hidup.
9. Mendakwa pengikut-pengikut ajaran/tarekatnya sahaja yang akan masuk Syurga.
10. Mendakwa gurunya memegang kunci pintu Syurga.
11. Mempercayai bahawa gurunya boleh menebus dosa dengan wang.
12. Mendakwa bahawa semua agama adalah sama.
13. Mempercayai bahawa orang yang telah mati boleh memberi pertolongan apabila diseru namanya.
14. Melakukan penyerahan rohani dan jasmani kepada guru melalui nikah batin dengan tujuan untuk mendapat anak yang soleh atau anak hakikat.
15. Mengaku Allah menjelma di dalam dirinya.

---

<sup>36</sup> Abd. Latip Muda, et.al (1998), *Pengantar Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., hal. 373.

<sup>37</sup> *Ibid.*, hal. 384.

16. Mendakwa ajaran atau tarikatnya yang diamal sekarang diambil terus dari Rasulullah s.a.w. secara jaga (Yaqazah).

17. Mengaku dan mempercayai bahawa seseorang itu boleh berhubung dengan Allah melalui Nur Muhammad yang berada di dalam dirinya

dan dengan demikian didakwa pasti masuk Syurga.

18. Memansuhkan syariat-syariat Islam seperti sembahyang, puasa, haji dan membuat syariat baru atau menganggapkan bila sampai kepada

hakikat maka tidak perlu lagi syariat.

19. Meninggalkan solat Jumaat kerana mengamalkan suluk.

20. Mendakwa bahawa ibadat haji tidak perlu ditunaikan di Mekah, bahkan boleh ditunaikan di tempat-tempat lain.

21. Mengubah dengan sengaja al-Quran dan maksudnya.

22. Mengaku dan mempercayai bahawa tanggal aziamat boleh memberi kesan.

23. Mendakwa bahawa setiap yang zahir ada batinnya dan setiap ayat yang diturunkan ada takwilnya, seperti puasa, zakat, haji, nikah dan

sebagainya. Mereka mendakwa orang yang mengamalkan hanya kulit dan tidak sampai kepada matlamat sebenar.<sup>38</sup>

---

<sup>38</sup> JAKIM. <http://www.islam.gov.my/ppi.faktorasesat.html> pada 31.3. 2002.

## 2.6 BENTUK-BENTUK AJARAN SALAH DI MALAYSIA

Secara umumnya bentuk ajaran salah yang terdapat di negara kita boleh dibahagikan kepada 4 bentuk iaitu:

### 2.6.1 Bentuk Ajaran Baru

Dalam bentuk ini selalunya lahir berbagai-bagai ajaran yang baru direka dan dicipta oleh seorang guru atau penganjur ajaran salah dengan menggunakan berbagai-bagai nama. Contohnya ajaran Syed Al-Masyor, ajaran Taslim, ajaran Crypto,<sup>39</sup> ajaran Qadiani Ilmu Tajalli, ataupun dengan menggunakan nama-nama guru ajaran tersebut.<sup>40</sup>

### 2.6.2 Tarekat

Ajaran bentuk ini biasanya menggunakan nama-nama tarekat yang termashur di kalangan umat Islam kerana tarekat ini telah pun diamalkan oleh ulama-ulama dengan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Melalui bentuk ini mereka menggunakan nama-nama tarekat seperti tarekat Ahmadiyah, Naqsyabandiyah, Sazaliah, Samaniah, Qadariah dan sebagainya. Kadang-kadang nama tarekat ini diciptakan sendiri oleh pengasas ajaran

---

<sup>39</sup> BAHEIS, *Risalah Mengenal Ajaran Sesat*, *op.cit.*, hal. 3.

<sup>40</sup> Siti Norbaya Abd Kader, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*, *op.cit.*, hal. 8.

tarekat itu, umpamanya *Tarekat Mufarridiah*, *Tarekat Khalid*, *Tarekat Roh Suci*, *Tarekat Selendang Hijau* dan seumpamanya. Walaupun terdapat nama-nama yang bersamaan tarekat yang direka dengan tarekat asal tetapi ternyata daripada ajaran-ajaran yang diamalkan oleh mereka dan konsep-konsep yang terdapat dalam ajaran tarekat itu, unsur-unsur ataupun bahan-bahan yang boleh membawa penyelewengan akidah Islamiah dan boleh membawa pengikut-pengikutnya terpesong dari ajaran Islam sebenar.<sup>41</sup>

### 2.6.3 Penolakan Hadis Sebagai Sumber Hukum

Bentuk penolakan ini adalah satu bentuk baru yang muncul di Malaysia walaupun ia telah lama berkembang di Asia Barat, India dan Pakistan. Bentuk penolakan terhadap sumber hukum ini lebih menumpukan kepada penolakan hadis sebagai sumber akidah dan perundangan.<sup>42</sup> Mereka lebih cenderung menggunakan akal sendiri seperti mentafsir al-Quran tanpa merujuk kepada sumber yang sah. Kumpulan ini dikenali dengan nama Kumpulan Anti Hadis atau pun Jemaah al-Quran.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> BAHEIS, *Risalah Mengenal Ajaran Sesat*, *op.cit.*, hal. 5.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hal. 5.

<sup>43</sup> *Ibid.*, hal. 8.



## 2.6.4 Kepercayaan dan Amalan Tradisi Berhubung Dengan Amalan Mistik<sup>44</sup>

Bentuk ini adalah satu bentuk yang paling lumrah di kalangan orang-orang Melayu Islam di negara ini kerana ianya bersifat:

1. Pemujaan terhadap tempat-tempat yang dianggap keramat.
2. Pemujaan terhadap orang-orang yang dianggap wali dan mempunyai kelebihan.
3. Kepercayaan kepada kuasa-kuasa kesaktian melalui amalan-amalan seni mempertahankan diri dan sebagainya.
4. Kepercayaan terhadap dukun-dukun ataupun bomoh-bomoh yang mendakwa mendapat ilmu kedukunan daripada mimpi-mimpi ataupun makhluk halus (bunian ataupun orang sampingan) melalui amalan cara menurun dan sebagainya.<sup>45</sup>

Kesimpulannya, jika dilihat dari bentuk-bentuk yang disebutkan di atas adalah jelas bahawa orang-orang Islam kini masih mencampur-adukkan di antara pola-pola kepercayaan tradisi mereka dengan unsur-unsur ajaran Islam. Keadaan sedemikian memberi peluang kepada pembawa-pembawa ajaran-ajaran salah untuk mengembangkan ajaran mereka, apatah lagi dengan bertambahnya amalan-amalan

---

<sup>44</sup> Mistik didefinisikan sebagai; 1. Suluk, Sufi, Tasawuf; 2. Keajaiban, Keanihan. Mistis diertikan sebagai sesuatu yang bersifat mistik, mengandungi unsur-unsur ghaib dan aneh. Lihat Hassan Hamzah (1997), *Kamus Ensiklopedia*. cet. 1, jil. 2, Selangor: Anzagain Sdn. Bhd., hal. 68.

<sup>45</sup> BAHEIS, *Risalah Mengenal Ajaran Sesat op.cit.*, hal. 6.

khurafat di kalangan masyarakat Islam yang kadangkala jelas bertentangan dengan akidah Islamiah.

Oleh yang demikian setiap umat Islam mestilah memperlengkapkan diri dengan ilmu-ilmu agama supaya dapat menangkis sebarang bentuk sebaran ajaran yang salah agar terselamat dari kesesatan hidup di dunia dan di akhirat.

## 2.7 BEBERAPA CONTOH AJARAN SALAH MALAYSIA

Setelah kita meneliti elemen-elemen yang berkaitan dengan ajaran salah seperti yang telah dinyatakan di atas, penulis ingin mengemukakan pula beberapa contoh ajaran yang telah dikenal pasti sama ada yang telah dibanteras kegiatannya oleh pihak berkuasa ataupun yang masih bergerak cergas di negara ini.

Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah mengenal pasti lebih daripada 100 ajaran salah/tarekat yang terdapat di Malaysia. Pihak Sistem Maklumat Islam (SISMI) telah menyenaraikan nama ajaran, isi ajaran yang didapati telah diseleweng guru atau penganjurnya serta tindakan yang telah dilalukan oleh pihak berkuasa terhadap mereka.<sup>46</sup> Di antara ajaran-ajaran salah itu adalah seperti yang dibentangkan di bawah:

---

<sup>46</sup> Siti Norbaya Abd Kadir. *op.cit.*, hal. 13.

### 2.7.1 Agama Bahai

Agama Bahai diasaskan oleh Mirza Husain Ali bin Mirza Abbas Buzurq al-Mazandarani al-Nuri. Beliau dilahirkan di Tehran, Iran pada 1817M. Ketika berusia dua puluh tujuh tahun, beliau telah menganut agama *Babiah* yang sedang dikembangkan oleh Mirza Ali Muhammad (1819-850M).<sup>47</sup>

Mirza Husain telah mengisytiharkan dirinya sebagai *Mazharullah* yang bermaksud *Limpahan Tuhan*. Beliau juga menghasilkan sebuah kitab yang dikenali dengan nama *al-Bayan* dan mendakwa dirinya '*Baha'ullah*' yang bermakna Tuhan wujud dalam dirinya yang nyata. Semenjak itu ajarannya dikenali sebagai Agama Bahai.<sup>48</sup>

Ajaran utama Bahai yang perlu diikuti ialah seperti berikut:

#### a) Akidah

Antara pegangan akidah Bahai adalah seperti berikut:

1. Wahyu mempunyai takwil yang sulit dan hanya dapat dihuraikan oleh Tuhan (al-Bab atau al-Baha') sahaja.

---

<sup>47</sup> Ahmad Asnawi Hj Hassan (1979), *Pengembangan Agama Bahai di Kalangan Orang Asli*, (Kertas Kerja Seminar Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia), hal. 90.

<sup>48</sup> Siti Norbaya Abd Kadir. *op.cit.*, hal. 13.

2. Al-Baha' ini mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi iaitu rasul yang akan diturunkan bersama kitab "al-Aqdas". Kitab ini dikatakan sebagai akan memansuhkan kitab-kitab agama Samawi yang telah diturunkan sebelumnya. Kemudian beliau mendakwa dirinya Tuhan yang perlu disembah oleh manusia.
3. Mengakui bahawa kematian Nabi Isa adalah disalib dan baginda tidak akan dibangkitkan semula. Walaupun begitu ruh Nabi Isa dijelmakan di dalam diri "al-Baha".
4. Menafikan kewujudan mukjizat nabi-nabi, kebangkitan semula di Padang Mahsyar, janji baik dan buruk, Syurga dan Neraka.<sup>49</sup>

#### **b) Sembahyang**

Sembahyang di dalam agama Bahai mempunyai sembilan rakaat dan perlu dilakukan tiga kali sehari. Sembahyang ini boleh dilakukan semasa melakukan kerja-kerja seharian dan yang paling penting ialah keikhlasan hati dan penumpuan akal semasa mengerjakan sembahyang.<sup>50</sup>

#### **c) Puasa**

---

<sup>49</sup> Muhd Hassan al-Akhzanī (t.t), *al-Bahā'īyyah wa al-Qadīāniyyah*. Beirut: Muassasah al-Aklami, hal. 77.

<sup>50</sup> *Ibid.*

Pengikut agama Bahai juga melakukan puasa tetapi hanya sembilan belas hari sahaja dalam setahun. Mereka juga dikecualikan berpuasa semasa sakit, musafir, perempuan yang mengandung dan menyusukan anak.<sup>51</sup>

#### d) Haji

Amalan haji wajib dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Semasa Baha' ullah masih hidup, pekerjaan haji boleh dilakukan dengan cara menziarahi rumah kediaman beliau. Setelah beliau meninggal dunia, pekerjaan haji itu dilakukan dengan berkunjung ke kuburnya di Carmel, Akka, Israel.<sup>52</sup>

Berdasarkan keterangan akidah dan ajaran Bahai itu jelaslah bahawa ia merupakan ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam kerana segala bentuk ajarannya terkeluar daripada bentuk ajaran dan kepercayaan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Kerajaan Iran telah mengharamkan ajaran Bahai ini sejak tahun 1850M. Begitu juga dengan Majlis Fatwa Agama Islam al-Azhar yang telah mengatakan bahawa Bahai merupakan satu aliran yang batil dan bukan daripada ajaran Islam. Seseorang yang menganut ajaran ini dikira murtad atau terkeluar dari agama Islam, dengan itu mereka tidak boleh mewarisi harta orang Islam.

Di Malaysia, ajaran Bahai ini didapati telah bergerak secara rahsia dan sulit semenjak zaman penjajahan Inggeris lagi. Semenjak tahun 1967, penganut-penganut

---

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> Siti Norbaya Abd. Kadir, *op.cit.*, hal. 15.

Bahai ini bergerak dengan menggunakan pertubuhan yang berdaftar. Pertubuhan ini ditubuh dibawah akta pertubuhan dan dikenali dengan nama "The National Assembly Of Bahais Of Malaysia".<sup>53</sup>

### 2.7.2 Ajaran Qadiani

Pengaruh Islam telah mula bertapak di India selepas kejayaan Muhammad ibn Kassim menakluki negara Sindh iaitu daerah Sungai Indus di utara India. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 712M/93H atas perintah Khalifah al-Walid 11.<sup>54</sup> Ajaran Islam yang meletakkan persamaan taraf sesama manusia telah mendapat sambutan di India terutama dari golongan-golongan yang menduduki Kasta Sunda dan Paria. Kegemilangan Islam sampai ke puncak apabila kerajaan Islam Monghul berjaya didirikan pada tahun 1256M/732H sekaligus meruntuhkan Persekutuan Hindu yang diketuai oleh Rana Sangha.<sup>55</sup> Walau bagaimanapun kerajaan Islam ini hanya mampu bertahan sehingga abad ke 19 apabila Inggeris berjaya menguasai India pada tahun 1857M.<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> Ahmad Asnawi Hj. Hassan. *op. cit.*, hal. 100.

<sup>54</sup> David Sinclair (1947), *A History of India*. cet. 5, Madras: Geoffrey Cumberlege Oxford Universiti Press, hal. 54.

<sup>55</sup> Mulia (1949), *India: Sejarah Politik dan Pergerakan Kebangsaan*. t. c., Jakarta: Balai Pustaka, hal. 38.

<sup>56</sup> *Ibid.* hal. 48.

Kerajaan Inggeris ini ditentang oleh pelbagai pihak termasuklah golongan ulama dan para pejuang kebangsaan. Sekolah-sekolah pondok dijadikan sebagai pusat jihad untuk menentang penjajah. Namun begitu hasrat menentang penjajah terkubur apabila bangkit seorang pemimpin yang berkompromi dengan kerajaan Inggeris dengan mengajar bahawa jihad adalah tidak wajib.

Ajaran baru ini diasaskan oleh Mirza Ahmad Ghulam iaitu anak kepada Mirza Ghulam Murtadha dan Chirgh Bibi adalah dilahirkan kembar dengan kakaknya yang kemudian meninggal dunia. Nama Qadiani diambil sempena nama kampung kelahiran Mirza yang terletak di daerah Gurdaspur, India.<sup>57</sup>

Ajaran Qadiani di Malaysia dipercayai mula bertapak pada awal tahun 1930an yang dibawa dan disebarkan oleh mubaligh yang bernama Maulana Husin Iyaz. Kemasukan ajaran ini ditentang hebat oleh ulama Islam di Malaysia dan tidak mengiktiraf mereka sebagai golongan Islam.<sup>58</sup>

Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan pada 18hb. Jun 1975 bahawa ajaran ini telah terkeluar daripada agama Islam. Begitu juga dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan, diikuti Kedah dan Johor telah memutuskan bahawa penganutan ajaran ini sebagai terkeluar dari ajaran Islam.<sup>59</sup>

---

<sup>57</sup> Iain Adamson (1989), *Mirza Ghulam Ahmad of Qadiani*. t. k., Elit International Publication Limited, hal. 79.

<sup>58</sup> BAHEIS, *Risalah Mengenai Ajaran Sesat*, *op.cit.*, hal. 9.

<sup>59</sup> *Ibid*

Isi-isi ajaran Qadiani ialah:

1. Mirza telah mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi pada tahun 1891 yang ditunggu tunggu oleh umat Islam dan setelah itu beliau mengaku dirinya sebagai al-Masih. Pada tahun 1901 pula beliau mengaku dirinya sebagai Nabi dan Rasul dan pada tahun 1904 beliau sekali lagi mengaku dirinya sebagai penjelmaan Krishna bagi orang-orang Hindu.
2. Mirza mendakwa sebagai pernah menerima wahyu atau ilham dari Allah.
3. Mirza telah mengubah ayat-ayat al-Quran atau disebut "Tahrif" iaitu mengubah atau memindah bentuk dan kedudukan ayat.
4. Pengikut ajaran ini mengiktiraf Qadian sebagai tempat suci selain Makkah dan Madinah serta menganggap menunaikan fardhu haji di Makkah tanpa pergi ke Qadiani adalah haji kering dan kosong.
5. Mirza juga menafikan jihad dan amat menyanjung tinggi penjajah Inggeris kerana memberi peluang kepada beliau menyebarkan ajarannya tanpa mengganggu pendudukan Inggeris di India dan sebagai balasannya, beliau menyeru pengikutnya supaya tidak keluar berjihad menentang penjajahan Inggeris.<sup>60</sup>

Perkembangan mutakhir bagi ajaran ini, ianya masih lagi berkembang dan aktif di Selangor, Johor dan Sabah. Mereka telah mengadakan Jalsa Salanah tahunan pada tiap-tiap tahun di markasnya di Kampung Nakhoda, Batu Caves, Selangor yang dihadiri oleh tidak kurang dari 100 orang.

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, hal. 10.



Apa yang mendukacitakan, walaupun telah diwartakan oleh kerajaan bahawa ajaran Qadiani ini sebagai keluar dari ajaran Islam, namun pengikut-pengikutnya masih setia serta tidak mengindahkan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia.

### 2.7.3 Ajaran Taslim

Ajaran ini telah dibawa dan diasaskan oleh Haji Ahmad Matahari pada tahun 1870an di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Ajaran ini juga telah berkembang ke negeri Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan lain-lain. Ajaran ini telah diharamkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri Johor pada tahun 1968, Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 1971.<sup>61</sup>

Isi-isi ajaran Taslim ialah:

1. Guru ajaran ini mendakwa kononnya berketurunan Rasulullah.
2. Setiap pengikut dikehendaki menyerahkan diri, anak isteri dan harta benda kepada guru.
3. Adanya konsep 'Nikah Batin'.
4. Kubur pengamal ajaran ini diasingkan daripada kubur pengikut-pengikut lain.
5. Berzikir beramai-ramai bercampur lelaki perempuan dan jika berlaku zina lalu mendapat anak, dianggap anak soleh.

---

<sup>61</sup> JAKIM. <http://www.islam.gov.my/ppi/sejarahasesat.html> pada 31.3.2002

6. Tuhan ada dalam diri masing-masing.
7. Pengikut ajaran ini bersumpah tidak akan menceritakan kepada orang lain apa-apa yang dipelajari.
8. Pengikut-pengikut melakukan ibadat solat lima waktu sekali setahun. Ibadah puasa cukup 9 hari sahaja dan semua kutipan zakat diserahkan kepada khalifah.<sup>62</sup>

Ajaran ini masih aktif dan merebak di negeri-negeri Perak dan Johor. Walau bagaimanapun, pusat aktivitinya di Kampung Seronok, Bayan Lepas telah berubah wajah kerana telah dibuat pembaharuan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang dan aktiviti-aktiviti sering dipantau dari masa ke semasa.

#### **2.7.4 Ajaran Hassan Anak Rimau**

Subjek ini penulis ketengahkan sebagai salah satu lagi contoh-contoh ajaran salah yang sedang melanda negara. Ajaran ini diasaskan oleh Hassan bin Yaakob atau dikenali juga dengan panggilan Tok Hassan. Berasal dari Kampung Cetok, Pasir Mas, Kelantan. Beliau tidak pernah mendapat apa-apa pendidikan agama malahan beliau banyak melibatkan diri di dalam kerja-kerja yang sia-sia dan ditegah oleh hukum syarak serta undang-undang negara. Jadi tidak hairanlah mengapa beliau digelar dengan "Hassan Anak Rimau".<sup>63</sup>

---

<sup>62</sup> BAHEIS, *Risalah Mengenai Ajaran Sesat. op.cit.*, hal. 11.

<sup>63</sup> Berita MAIK, Majlis Agama Islam Negeri Kelantan, Keluaran Januari-Disember 1986, bil. 4, Kota Bharu: Unit Penerbitan MAIK, hal. 14.

Pengajaran Tok Hassan mengandungi penyelewengan sama ada yang berkait dengan soal-soal ketuhanan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan syariat. Di sini penulis akan membentangkan beberapa isi ajaran yang diamalkan oleh kumpulan tersebut. Diantaranya ialah:

1. Gurunya berada di mana-mana makhluk berada.
2. Gurunya adalah pemegang anak kunci Syurga
3. Manusia adalah Tuhan dan Tuhan adalah manusia.
4. Tidak perlu percaya kepada Nabi Muhammad s.a.w.
5. Pernah mendakwa dirinya Tuhan.
6. Berkuasa melantik di kalangan murid-muridnya sebagai wali Allah dan menentukan darjatnya.
7. Semasa bersembahyang dikehendaki mengingati guru terlebih dahulu sebelum mengingati Allah.
8. Mendakwa dirinya diresapi roh Nabi Muhammad dan pada suatu masa nanti ia akan bertukar menjadi Imam Mahdi.<sup>64</sup>

Tindakan/hukuman dan perkembangan terkini :

Kumpulan ini akhirnya telah diputaskan haram oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan pada tahun 1981 dan 1986; dan diwartakan pada 3hb. Julai 1986. Di Terengganu

---

<sup>64</sup> BAHEIS, *Risalah Mengenai Ajaran Sesat. op.cit.*, hal. 16.

ianya difatwakan pada tahun 1981, Selangor 30hb. September 1995 diwartakan pada 23 November 1995 (Sel.P.U.45), di Perak 1994.<sup>65</sup>

1. Hasan Anak Rimau dihukum oleh Mahkamah Syariah Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1971; Tanah Merah, 1980; Kota Bharu 1983.
2. Ajaran ini masih aktif di Besut, Terengganu; Malim Nawar serta Kampar di Perak; Selangor, Melaka, Pahang dan Kelantan.
3. Ayah Pin<sup>66</sup> walaupun telah mengaku kesilapannya pada tahun 1995 namun dipercayai masih lagi aktif bergerak menyampaikan ajaran ini secara senyap.

## 2.8 IMPLIKASI AJARAN SALAH

Penyebaran ajaran yang menyeleweng telah banyak mendatangkan keburukan kepada ummah dan negara. Dalam membicarakan tajuk ini, penulis membahagikan implikasi ajaran salah kepada tiga elemen. Antaranya :

---

<sup>65</sup> *Ibid.*

<sup>66</sup> Keterangan sepenuhnya akan dibincang di dalam bab ketiga penulisan..

## 2.8.1 Ancaman Ajaran Salah Kepada Ummah dan Negara

### 2.8.1.1 Mencela Ulama dan Fuqaha'

Kebanyakan penganjur ataupun ajaran salah didapati mendakwa diri mereka masing-masing ataupun dianggap oleh pengikutnya sebagai manusia yang mengetahui segala isi (ilmu hakikat) dan mereka telah sampai kepada taraf kedudukan yang tinggi lalu menolak syariat. Pada umumnya mereka mempunyai motif untuk mencela ulama dan fuqaha'. Dalam masa yang sama mereka meletakkan taraf ulama kepada dua iaitu ulama zahir dan ulama batin. Ulama zahir ialah ulama yang hanya mengetahui perkara-perkara zahir seperti ulama yang ada pada hari ini sedangkan pada diri mereka diletakkan taraf yang lebih tinggi dan kedudukannya lebih mulia kerana mereka lebih mengetahui rahsia batin dan ilmu hakikat.<sup>67</sup>

### Membuat Takwilan Dalam Agama

Guru ajaran salah berani melakukan takwilan-takwilan terhadap ayat-ayat al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. dengan membuat huraian-huraian tanpa asas syarie. Mereka terpengaruh dengan ajaran batiniyah dan menggunakan doktrin batin dan takwil dalam menghuraikan konsep wujudiah yang dipegangnya. Hal ini boleh dilihat dalam bentuk takwil terhadap kalimah-kalimah atas lafaz-lafaz yang berkaitan dengan ibadah seperti pada angka dan pada pandangan huruf.<sup>68</sup>

---

<sup>67</sup> JAKIM, <http://www.islam.gov.my/ppi/faktorasesat.html> pada 25.8.2002

<sup>68</sup> *Ibid.*

### 2.8.1.2 Kepentingan Peribadi dan Seks

Ajaran-ajaran salah kebanyakannya adalah mempunyai motif dan kepentingan peribadi guru-guru ajaran itu. Ini termasuklah kepentingan kepada kedudukan, pangkat, kebendaan dan seks bebas umpamanya dengan mengamalkan nikah batin; yang dinikah itu namanya mannikam, maharnya ialah air mani, walinya Allah Ta'ala, yang manikamnya Muhammad saksinya Kiraman Katibin (dalam ajaran Tariqatul Islam). Nikah batin adalah nikah yang dijalankan secara rahsia oleh guru atas muridnya. Ia boleh berlaku antara mereka yang ghairah mencari ketenangan jiwa dan kesempumaan beragama terutama melalui unsur kerohanian dengan cara jalan terdekat tanpa mengikut sunnah.<sup>69</sup>

### 2.8.2 Implikasi Terhadap Kemurnian Akidah dan Keselamatan

Sudah nyata pada pandangan umum bahawa ajaran-ajaran salah ini telah membawa dan boleh membawa kepada beberapa akibat dari ancaman kepada agama dan keamanan. Antara akibat yang timbul daripada ancaman tersebut ialah:

1. Meluasnya kesesatan dari segi akidah dan penyelewengan di dalam ibadah orang Islam. Ini dapat digambarkan melalui ajaran-ajaran salah yang disebutkan di dalam penulisan ini.

---

<sup>69</sup> *Ibid.*

2. Meluasnya perpecahan dalam masyarakat Islam, di mana tiap-tiap ajaran mempunyai 'Ketua Guru' dari pengikutnya sendiri. Antara mereka mempunyai perhubungan yang sangat rapat seolah-olah hubungan antara 'saudara dengan saudara yang lain'. Melalui ajaran yang dianuti, mereka memupuk persefahaman hidup dan jika dapat, mereka akan cuba mewujudkan kumpulan atau masyarakat mereka sendiri. Sebagai contoh, telah wujud satu masyarakat yang dikenali "Masyarakat Orang Qadiani" di Kampung Nakhoda, Selangor.<sup>70</sup>

### 2.8.3 Timbulnya Keganasan

Timbulnya berbagai-bagai keganasan di dalam masyarakat. Keganasan yang timbul bukan sahaja mencedera dan membunuh orang lain malah boleh membunuh diri mereka sendiri. Hal ini boleh dilihat dari beberapa kejadian berikut:

- a) Pembunuhan dan tembak menembak antara polis dengan Kumpulan Ajaran Empat Sahabat, di Kg. Dedap, Rantau Panjang, Kelantan pada 19hb. Oktober 1974. Dalam kejadian ini seorang daripada 22 orang anggota kumpulan tersebut telah mati ditembak dan lain-lain cedera parah serta cedera. Dalam pertempuran dengan anggota polis dan rela itu mereka telah cuba bertahan dan tidak mahu menyerah sehinggalah mereka tidak berdaya lagi dan terus ditahan. Mereka kemudiannya

---

<sup>70</sup> *Ibid.*

didakwa dan dihukum salah oleh Mahkamah Kadi Besar Kelantan pada tahun 1974 atas kesalahan mengajar ajaran salah.<sup>71</sup>

- b) Serangan dengan parang oleh seorang awam keatas seorang pengikut Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya di Bukit Marak, Kelantan pada tahun 1976. Pengikut tersebut telah luka di bahu dan dimasukkan ke Hospital Besar Kota Bharu. Ini berlaku kerana dakwaan pengikut Tarikat itu bahawa barang siapa yang tidak menyertai kumpulan tersebut, maka ia tidak selamat dan tidak terjamin masuk syurga.<sup>72</sup>

## 2.9 KESIMPULAN

Setelah penulis membuat penyelidikan serta semakan dengan berpandukan fakta-fakta yang jelas serta bukti yang kukuh, secara ringkasnya bolehlah penulis menyimpulkan hasil penyelidikan di dalam bab kedua ini bahawa ajaran salah yang tersebar begitu meluas di negara kita mempunyai ruang lingkup yang amat luas. Umat Islam akan mudah terjerumus ke arah pengamalan ajaran ini jika sekiranya tidak dibenteng dengan iman yang teguh, ilmu agama yang mendalam serta amalan yang bersungguh-sungguh lagi berkesan.

---

<sup>71</sup> Halipah Hamzah. *op.cit.*, hal. 12.

<sup>72</sup> *Ibid.* hal. 13.